



PRAKATA

KETUA PENGARAH JABATAN PERANCANGAN BANDAR DAN DESA SEMENANJUNG MALAYSIA



Rancangan Fizikal Negara (RFN) merupakan hierarki tertinggi di dalam sistem perancangan guna tanah Negara. Ianya diperuntukkan di bawah seksyen 6B, Akta Perancangan Bandar dan Desa 1976 (Akta 172). Penyediaan RFN memfokuskan kepada dasar-dasar strategik sebagai panduan perancangan fizikal dan dilaksanakan di peringkat Persekutuan dan negeri di seluruh Semenanjung Malaysia. Selaras dengan keperluan peruntukan di bawah subseksyen 6B(4), Akta 172 supaya dokumen dasar ini di kaji semula setiap lima tahun, Rancangan Fizikal Negara Ketiga (RFN Ke-3) telah disediakan selaras dengan penyediaan Rancangan Malaysia Lima Tahun.

Bagi memastikan kesinambungan dan kelangsungan dasar pembangunan Negara, kajian semula RFN adalah penting untuk memastikan ianya terus relevan dalam keadaan senario pembangunan yang sentiasa berubah mengikut peredaran masa. RFN Ke-3 ini telah diluluskan oleh Majlis Perancang Fizikal Negara (MPFN) pada 21 Julai 2016.

Matlamat RFN Ke-3 adalah ***Membentuk Sebuah Negara yang Berdaya Tahan dan Berdaya Huni untuk Memastikan Keperluan Penduduk Diambil Kira Dalam Setiap Perancangan Pembangunan.*** Fokus kepada Negara yang Berdaya Tahan bermaksud negara yang mampu menangani risiko bencana alam, perubahan iklim dan alam semulajadi. Manakala, fokus kepada Negara yang Berdaya Huni bermaksud peningkatan kepada kualiti persekitaran yang mampu menjana komuniti sejahtera dan inklusif.

Dalam penyediaan RFN Ke-3 ini, kawasan kajian juga telah dilebarluaskan meliputi Semenanjung Malaysia, Sabah dan Wilayah Persekutuan Labuan. Manakala bagi negeri Sarawak, perkara-perkara strategik yang merentas sempadan sahaja diambil kira. Selain itu, RFN Ke-3 turut mengambilkira tahap pencapaian RFN terdahulu serta isu-isu dan cabaran-cabaran baru. Bagi memastikan pencapaian yang berkesan, kemajuan spatial negara diselaraskan juga dengan beberapa komitmen di peringkat nasional dan peringkat global yang telah ditetapkan dalam usaha menentukan arah tuju pembangunan negara. Komitmen negara dilihat melalui Program Transformasi Kerajaan, bidang-bidang ekonomi di bawah Program Transformasi Ekonomi, teras-teras strategik di bawah Rancangan Malaysia Ke-11 serta melalui dasar-dasar sektoral dan pelan induk pelaksanaan yang berkaitan seperti Strategi Lautan Biru Kebangsaan (NBOS).

Selain daripada itu, RFN Ke-3 perlu diselaraskan di peringkat perancangan dan pembangunan Persekutuan, negeri dan tempatan yang diterjemahkan dalam dokumen Rancangan Struktur Negeri (RSN) selaras dengan peruntukan perenggan 7(3)(aa), Akta 172. Ianya juga perlu diperincikan di kajian Rancangan Tempatan (RT) yang akan dilaksanakan di peringkat pihak berkuasa tempatan (PBT).

Oleh yang demikian, adalah diharapkan RFN Ke-3 akan dijadikan panduan dan rujukan utama oleh pelbagai agensi dalam merangka program-program pembangunan. Dasar strategik ini akan memandu dan mengawal selia corak pembangunan secara efisien dan mampan berdasarkan keperluan dan ciri-ciri sesuatu kawasan. Pada masa yang sama pelaksanaan strategi-strategi pembangunan yang telah dikenal pasti di peringkat Persekutuan, Negeri dan Tempatan dapat dicapai sepenuhnya.

DATO' DR. DOLBANI BIN MIJAN

Ketua Pengarah

Jabatan Perancangan Bandar Dan Desa Semenanjung Malaysia